

---

## SIARAN MEDIA

### MyCC CADANG DENDA 7 PENGUSAHA OPERATOR GUDANG BAGI KEGIATAN KARTEL PENETAPAN HARGA

*MyCC mendapati 7 operator gudang melanggar akta persaingan berhubung surc妖 perkhidmatan Pengendalian Muatan Panjang dan surc妖 perkhidmatan Pengendalian Muatan Berat*

KUALA LUMPUR, 09 Januari 2020 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengeluarkan keputusan cadangan ke atas tujuh pengusaha operator gudang kerana mereka didapati melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) berhubung penetapan harga ke atas surc妖 perkhidmatan bagi Pengendalian Muatan Panjang dan surc妖 bagi Pengendalian Muatan Berat.

Berdasarkan siasatan, MyCC mendapati operator-operator seperti berikut:-

- 1) Regional Synergy (M) Sdn. Bhd.
- 2) WCS Warehousing Sdn. Bhd.
- 3) Pioneerpac Sdn. Bhd.
- 4) Intercean Warehousing Service Sdn. Bhd.
- 5) Intrexim Sdn. Bhd.
- 6) SAL Agencies Sdn. Bhd.
- 7) Prima Warehousing Sdn. Bhd.

telah terlibat di dalam perbuatan penetapan harga berhubung kadar surc妖 perkhidmatan Pengendalian Muatan Panjang dan kadar surc妖 perkhidmatan Pengendalian Muatan Berat ke atas semua kargo import dan eksport di kawasan Northport dan Westport di Pelabuhan Klang. MyCC turut mendapati, melalui platform perbualan atas talian, kesemua operator Gudang yang terlibat telah melaksanakan penetapan kadar harga ke atas pelanggan masing-masing.

Menurut Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC; “Kartel penetapan harga dianggap sebagai pelanggaran yang amat serius di bawah undang-undang persaingan, yang mana ia perlu dihentikan bagi memastikan pengguna dilindungi. Perkhidmatan gudang adalah elemen penting di dalam ekosistem logistik. Jika terdapat peningkatan harga perkhidmatan di dalam ekosistem ini, kos tersebut biasanya akan dipindahkan kepada pengguna. MyCC akan terus berusaha menangani kartel penetapan harga, untuk manfaat pengguna, yang mana sekarang sedang bergelut dengan isu kos sara hidup”.

“Ini merupakan dapatan awal oleh MyCC dan syarikat yang terlibat berpeluang untuk membuat representasi mereka kepada MyCC sebelum keputusan akhir dicapai”, ujar beliau.

##

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

**Dzul Affandi Mat Noor**

Ketua Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Tel: 03 – 2273 2277 ext. 111

Emel: dzul@mycc.gov.my

**Mengenai MyCC**

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

**Nota Kepada Pengarang:**

**Maklumat mengenai Seksyen 4 dan Seksyen 36, Akta Persaingan 2010**

**Butiran Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 - Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang**

Seksyen 4 (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

Seksyen 4 (2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk –

- (a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;
- (b) berkongsi pasaran atau punca berkaitan;
- (c) membataskan atau mengawal—
  - (i) pengeluaran;
  - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
  - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
  - (iv) pelaburan; atau
- (d) melakukan tipuan bida,  
disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

Seksyen 4 (3) Mana-mana perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggungan bagi pelanggaran larangan itu.

## Butiran Seksyen 36 Akta Persaingan 2010 – Cadangan Keputusan oleh Suruhanjaya

Seksyen 36 (1) Jika, selepas selesai penyiasatan, Suruhanjaya bercadang untuk membuat suatu keputusan bahawa salah satu larangan di bawah Bahagian II telah atau sedang dilanggar, Suruhanjaya hendaklah memberikan notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkannya kepada setiap perusahaan yang mungkin tersentuh secara langsung oleh keputusan itu.

Seksyen (2) Notis itu hendaklah—

- (a) menyatakan sebab bagi keputusan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya dengan perincian yang mencukupi bagi membolehkan perusahaan yang kepadanya notis itu diberikan mempunyai prospek yang benar dan mencukupi untuk membolehkannya membuat komen mengenai keputusan yang dicadangkan berdasarkan maklumat yang diketahui;
- (b) menyatakan apa-apa penalti atau tindakan pembetulan yang dicadangkan untuk dipakai oleh Suruhanjaya; dan
- (c) memberitahu setiap perusahaan yang kepadanya notis itu diberikan bahawa perusahaan itu boleh, dalam apa-apa tempoh yang munasabah sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—
  - (i) mengemukakan representasi bertulis kepada Suruhanjaya; dan
  - (ii) menunjukkan sama ada perusahaan itu berhasrat untuk membuat representasi lisan di hadapan Suruhanjaya.